

31 MAR 2001

Bandar raya-Contoh

PELAN INDUK BARU LANGKAWI DISEDIAKAN

LANGKAWI, 31 Mac (Bernama) -- Satu pelan induk baru pembangunan Langkawi akan disediakan untuk menjadikan pulau peranginan ini sebagai model bandar raya yang boleh dicontohi dalam pelbagai aspek, kata Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Zain.

Katanya ia merupakan pelengkap kepada pelan struktur pembangunan Langkawi sedia ada untuk membolehkan kerajaan negeri memohon satu peruntukan khas daripada Jabatan Perdana Menteri.

Ia akan disediakan oleh perunding yang akan dilantik tidak lama lagi, katanya selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan kedua Pertubuhan Persatuan Pemandu Kereta Limosin/Kereta Sewa Malaysia (Petekma) Cawangan Langkawi di sini malam tadi.

Untuk tujuan itu, satu mesyuarat mengenai hala tuju pembangunan masa depan Langkawi akan diadakan tidak lama bagi sebelum rancangan itu dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, katanya.

"Kita memerlukan peruntukan besar untuk meningkatkan kemudahan yang ada di sini dan jika perkara itu menjadi kenyataan, Langkawi akan dijadikan bandar raya kembar dengan bandar raya Tokyo atau bandar raya lain di negara-negara maju", katanya.

Kerajaan Negeri Kedah berharap semua kementerian, selain Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, akan memberi bantuan untuk merealisasikan matlamat itu, katanya.

"Kita mahu menjadikan Langkawi bandar raya contoh, bandar raya kurun ke 21, daripada segi kebersihan dan rancangan yang disusun yang boleh dicontohi bandar raya lain di negara ini tanpa mengabaikan pemuliharaan alam sekitarnya yang menjadi tarikan pelancong", katanya.

Syed Razak berkata perancangan masa depan itu akan menyaksikan gerai-gerai buruk yang ada di sepanjang jalan dipertingkatkan kualitinya atau menempatkannya di tapak baru selain mengadakan jalan-jalan dengan nama-nama yang baik.

Kerajaan negeri juga akan meminta pemaju perumahan membanyakkan projek perumahan teres dan bukan sekadar apartmen bagi menampung keperluan di masa depan, katanya.

"Pelbagai kemudahan telahpun diluluskan seperti pembinaan kereta kabel dari pangkalan di kompleks membeli belah bersepadu Oriental Village, Teluk Berau ke Gunung Macinchang dan penswastaan terminal feri Kuah, Kuala Kedah dan Kuala Perlis kepada Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) untuk menyediakan perkhidmatan lebih baik kepada pelancong", katanya.

Ini termasuk rancangan membina Menara Langkawi dan jalan dua hala empat lorong dari Kuah ke lapangan terbang antarabangsa di Padang Matsirat, katanya.

Syed Razak berkata dengan penswastaan jeti, kemudahan berkualiti akan disediakan di situ sama seperti yang disediakan di lapangan terbang.

Katanya pembangunan Langkawi mampu dikawal kerana ia belum dibuat secara menyeluruh di semua pulau yang ada dan berpendapat Langkawi memerlukan pelan induk baru dengan kenaikan statusnya sebagai Bandar Raya Pelancongan.

"Langkawi memerlukan Yang Dipertua Majlis Perbandaran yang baru, pertambahan pegawai baru termasuk ahli majlis perbandarannya selain geran baru daripada kerajaan pusat untuk menggerakkan pertumbuhannya", katanya.

-- BERNAMA

NH RHM